



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

1 OGOS 2020 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

1 OGOS 2020 (SABTU)

Pengilang didakwa jual pelitup muka kualiti rendah

Produk lebih berkualiti dieksport kerana tawaran harga lebih tinggi

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ada pengilang pelitup muka di negara ini didakwa mengeksport produknya yang berkualiti ke luar negara berikutan harganya yang lebih tinggi, manakala yang berkualiti sederhana dan rendah dijual di pasaran tempatan.

Ini didakwa disebabkan kerajaan mengategorikan pelitup muka sebagai barangan kawalan dan menetapkan harga siling RM1.50 sekeping ketika ini dan RM1.20 mulai 15 Ogos ini.

Perkara itu didedahkan Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George, yang mendakwa menerima laporan daripada beberapa pihak sejak pandemik COVID-19 bermula.

"Kami dukacita kerana wabak ini boleh menjangkiti sesiapa sahaja, tidak mengenal negara dan sepatutnya penduduk negara ini didahulukan.

"Dalam tempoh sebegini, tidak sepatutnya ada pihak mengambil kesempatan dan tidak bertanggungjawab terhadap rakyat negara sendiri," katanya kepada *BH*.

George berkata, beberapa isu



berkaitan penggunaan pelitup muka tercetus selepas kerajaan memutuskan untuk mewajibkan penggunaannya di tempat awam mulai hari ini, khususnya berkaitan kualiti yang dijual di pasaran.

"Apakah jenis pelitup muka yang perlu dipakai oleh semua orang? Kerajaan sepatutnya menetapkan penggunaan pelitup muka yang sama. Jika tiga lapisan paling berkesan... semua guna tiga lapisan. Dalam pasaran juga hanya dipasarkan tiga lapisan.

Ini kali pertama saya dimaklumkan mengenai dakwaan pengilang pelitup muka mengeksport yang berkualiti tinggi dan memasarkan yang berkualiti rendah di dalam negara. Pihak kami akan siasat dakwaan itu.

Iskandar Halim Sulaiman,
Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP

"Bagaimana hendak mengesan pelitup muka berkualiti? Adakah semua yang berlapis itu berkualiti? Kerajaan perlu mengeluarkan satu garis panduan khusus untuk mendidik rakyat mengenai perkara ini," katanya.

Beliau juga meminta kerajaan menubuhkan satu pasukan khas membabitkan pelbagai agensi pada peringkat Kementerian dan pertubuhan bukan kerajaan untuk memantau isu ini kerana ia bakal menjadi sesuatu yang wajib dalam kehidupan rakyat bagi tempoh lama.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Su-

laiman, berkata ini kali pertama beliau dimaklumkan mengenai dakwaan pengilang pelitup muka mengeksport yang berkualiti tinggi dan memasarkan yang berkualiti rendah di dalam negara.

Beliau berkata, pihaknya akan menyiasat dakwaan itu.

"Kami minta pihak CASSA menyalurkan maklumat kepada kami bagi membolehkan siasatan rapi dijalankan," katanya ketika dihubungi *BH*.

Iskandar juga berkata, KPDNHEP sudah mengadakan pertemuan dengan semua pengilang pelitup muka di dalam negara, Selasa lalu untuk mengetahui status pemasaran produk itu dalam pasaran dan mendapati ia mencukupi, malah pengilang juga se-



Beberapa isu berkaitan penggunaan pelitup muka tercetus selepas kerajaan memutuskan untuk mewajibkan penggunaannya di tempat awam mulai hari ini, khususnya berkaitan kualiti yang dijual di pasaran.

Jacob George,
Presiden CASSA

dia memberi kerjasama untuk sebarang situasi.

"KPDNHEP akan memastikan bekalan mencukupi dan pertemuan sudah diadakan pada Selasa lalu dan mereka beri jaminan bekalan itu mencukupi, khususnya selepas kerajaan menetapkan pemakaiannya di tempat awam mulai esok (hari ini)," katanya.

Beliau berkata, agensi itu juga akan membantu penguatkuasaan pelitup muka bersama agensi penguat kuasa lain apabila penggunaan alat itu bermula hari ini.

"Kami juga akan memastikan harga pelitup muka dijual tidak melebihi harga siling, iaitu RM1.50 sekeping sehingga 14 Ogos ini.

"Mulai 15 Ogos, harga siling baharu, iaitu RM1.20 sekeping akan dikuatkuasakan," katanya.

Harga runcit petrol kekal, diesel naik 1 sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 dan RON97 kekal masing-masing pada RM1.68 dan RM1.98 seliter bagi tempoh 1 Ogos hingga 7 Ogos.

Bagaimanapun, Kementerian Kewangan (MOF) dalam satu kenyataan, semalam, memaklumkan harga runcit diesel naik 1 sen, iaitu daripada RM1.82 seliter kepada RM1.83 sen seliter.

“Penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula ‘Automatic Pricing Mechanism’ (APM).

“Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara,” kata kenyataan itu.

Harga petrol kekal, diesel naik 1 sen

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing kekal RM1.68 dan RM1.98 seliter.

Manakala, harga runcit diesel pula naik satu sen kepada RM1.83 seliter.

Harga minyak ini berkuat kuasa jam 12 tengah malam tadi sehingga 7 Ogos depan.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, harga

berkenaan adalah berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Kerajaan juga akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.



HARI : SABTU
TARIKH : 1/8/2020
M/SURAT : 1

New fuel prices
Aug 1 - Aug 7

RON97	RON95	Diesel
RM1.98 (Unchanged)	RM1.68 (Unchanged)	RM1.83 (+1 sen)